

Headline	Tunku Azizah amalkan makan ulam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	2	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm ²
Journalist	MOHD HAFIZ ISMAIL	AdValue	RM 7,547
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,641



Tunku Azizah amalkan makan ulam

Raja Permaisuri Agung lancar buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat*

MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mendedahkan baginda mengamalkan pemakanan ulam-ulaman ketika berpantang selepas bersalin.

Titah baginda, bukan sahaja ulam-ulaman, malah sayur-sayuran tempatan juga digunakan dalam masakan.

"Saya makan ulam-ulaman seperti pegaga, kacang botol dan pucuk ubi. Itu makanan saya ketika berpantang,"

titahnya.

Baginda bertitah ketika melancarkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* di sini semalam.

Keberangkatan tiba Raja Permaisuri Agong diiringi oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Ishak Ismail dan Ketua Pengarah Fama, Zainal Abidin Yang Razalli.

Salahuddin ketika menyampaikan ucapan berkata, objektif utama penerbitan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* oleh kementerian dan Fama adalah untuk menarik minat golongan sasaran terutama orang muda untuk mengenali jenis ulam-ulaman serta memberikan pengetahuan mengenai khasiatnya.

"Apabila minat, kesedaran dan pengetahuan mengenai khasiat ulam-ulaman dapat ditingkatkan dalam kalangan rakyat, permin-



Tunku Azizah (tengah) berkenan menunjukkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara Dan 1001 Khasiat* bersama Salahuddin (dua dari kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (dua dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.

taan terhadap ulam-ulaman ini juga dapat ditingkatkan.

"Keadaan ini memungkinan ulam-ulaman tempatan berpotensi menjadi salah satu sumber kekayaan baharu yang boleh diterokai dan mewujudkan peluang besar bagi usahawan-

usahawan menceburkan diri dan mengkomersialkan sektor ini," katanya.

Menurutnya, buku tersebut merupakan salah satu usaha kerajaan dalam membangunkan industri pertanian dan industri asas tani negara ini khususnya mening-

katkan pendapatan petani yang berkaitan sayur-sayuran dan ulam-ulaman.

Katanya, idea menerbitkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* dicetuskan oleh bekas Ketua Pengarah Fama, Datuk Ahmad Ishak pada Majlis Pelancaran Kempen Ulam-Ulaman Peringkat Kebangsaan pada 2017.

"Ia bertujuan menggalakkan dan meningkatkan pengambilan ulam sebagai diet makanan harian dalam kalangan rakyat Malaysia selain mengurangkan kebergantungan kepada produk pertanian import.

"Dalam tempoh dua tahun bermula pada 2017 hingga 2019, Fama telah membuat pencarian dan telah berjaya mengumpulkan sebanyak 657 jenis ulam-ulaman daripada seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.